



GAMBAR HIASAN | BERITA HARIAN

BENCANA: Bandar Kota Tinggi paling teruk terjejas dalam kejadian banjir di Johor, baru-baru ini.

Pakar saran bandar Kota Tinggi dipindah

Topografi, jenis tanah perangkap air punca mudah dilanda banjir

Oleh Abdul Razak Raaff

PONTIAN: Pakar alam sekitar memberi amaran daerah dan pusat bandar Kota Tinggi, kawasan paling buruk dilanda banjir Disember dan awal bulan ini, terus terdedah kepada bencana itu berikutan jenis tanah serta topografinya yang mudah menjadi perangkap air. Pengurus Tapak, Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa (Ramsar), Harban Singh, berkata pakar alam sekitar sependapat banjir besar akan menenggelamkan bandar Kota Tinggi pada masa depan.

Walaupun tidak mampu meramal-

kan bila ia akan berlaku, Harban berkata, keseluruhan bandar Kota Tinggi terutama terminal pengangkutan awam dan pusat komersial dibina di kawasan hutan bakau dan paya yang ditebus guna.

Katanya, hutan paya bakau berfungsi seperti span yang menyerap air dan berfungsi sebagai kawasan saliran serta tidak sesuai untuk dimajukan untuk pembangunan.

"Pembangunan di Kota Tinggi di dapati meniadakan fungsi sebenar kawasan paya bakau. Pusat bandar itu harus dipindahkan ke kawasan lebih tinggi sebagai langkah berjaga-jaga," katanya di sini semalam.

Daerah Kota Tinggi terutama di pusat bandar ditenggelami air sehingga lebih tiga meter dengan di beberapa kawasan, air naik sehingga lima meter ketika banjir yang melanda pada Disember dan bulan ini.

Pusat bandar Kota Tinggi terputus hubungan kira-kira seminggu dari dunia luar apabila air naik sehingga mencecah paras bumbung.

Harban berkata, banjir mudah melanda kawasan itu kerana hujan lebat akan menyebabkan mendapan lebih buruk di Sungai Johor yang melalui bandar Kota Tinggi.

"Mendapan itu akan mengurangkan keupayaan sungai berkenaan me-

ngalirkan air ke laut sekali gus memudahkan air melimpah," katanya.

Harban juga menolak cadangan proses peluasan bandar Kota Tinggi sebagai pilihan terbaik bagi menangani banjir

"Kaedah terbaik bagi menangani masalah banjir pada masa akan datang ialah membina bandar baru di kawasan lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, penyelidik kepelbagaian bio tempatan, Vincent Chow yang sependapat dengan Harban, berkata penduduk daerah Kota Tinggi terpaksa menerima kesan pembangunan berkembang pesat di bandar daerah itu.

IFRA Digital Print

“Pusat bandar itu harus dipindahkan ke kawasan lebih tinggi sebagai langkah jaga-jaga”

Harban Singh
Pengurus Ramsar